



PEJABAT KETUA PENGARAH
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN
MAKANAN (KPKM)
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA

No. Tel : 03 – 8870 4426
Emel : ukk@dof.gov.my
Laman Web : <https://www.dof.gov.my>

PROGRAM PELEPASAN BENIH IKAN SERENTAK SELURUH MALAYSIA CIPTA REKOD BAHARU

13 Oktober 2023, PUTRAJAYA – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) mencipta rekod baharu dengan pelepasan sebanyak 1.1 juta benih ikan asli serentak seluruh Malaysia yang diadakan di 14 lokasi terpilih.

DOF menerima sijil dari Malaysia Book Of Records (MBOR) bagi “**Largest Simultaneous Fish Fry Restocking Event**”. Majlis pelepasan disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali di Tepian Tasik Putrajaya.

Program pelepasan benih ikan ke perairan umum dijalankan sebagai salah satu usaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) untuk menguruskan sumber perikanan darat di Malaysia.

Pelepasan benih ini juga dapat menambah stok perikanan seterusnya meningkatkan populasi dan memulihara kepelbagaian biodiversiti. Benih ikan yang dilepaskan adalah Kelah, Lampam Sungai, Temoleh, Terbul dan Udang galah.

Program yang diadakan ini adalah kerjasama antara Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Perbadanan Putrajaya, Jabatan Perikanan Sabah, Jabatan Pertanian Sarawak dan Jabatan Perikanan Laut Sarawak.

Antara pengisian program ialah Pameran oleh Sektor Perikanan Darat seperti pameran peralatan yang dilarang, spesis ikan asli dan asing, pertunjukan demonstrasi masakan Pai Tee Latok dan uji rasa menu berasaskan perikanan.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Dato’ Adnan bin Hussain, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Belia dan Sukan, Encik Abdullah bin Hasan, Naib Presiden Perancangan Bandar Perbadanan Putrajaya Encik Shamsul Bahrin bin Rahmat serta ketua-ketua jabatan dan agensi di bawahnya.

Kenyataan media ini disiarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my; pro@dof.gov.my